



22 FEB, 2025

## TNB tampil luar biasa, THT tagih magis Faizal

Sinar Harian, Malaysia



# TNB tampil luar biasa, THT tagih magis Faizal



Debaran Nor Saiful (kiri) dan Mohd Hafizi menjelang aksi final Piala TNB antara TNB dan THT di Bukit Jalil pada Sabtu.

**KETUA** jurulatih skuad Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nor Saiful Zaini Nasiruddin menyatakan anak buahnya memperagakan aksi luar biasa bagi mempertahankan Piala TNB 2025 pada aksi final menentang Terengganu Hockey Team (THT) di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil pada Sabtu.

Nor Saiful menyifatkan pasukan lawan di bawah kendalian Mohd Hafizi Baharom berada dalam prestasi terbaik, dan pasukan TNB selaku juara bertahan tidak boleh mengambil mudah aksi mencabar itu.

"Pemain perlu bermain sebagai satu pasukan. Mereka perlu beraksi mengikut perancangan dan tampil luar biasa. Jika dalam perlawanan biasa pemain tidak boleh mengambil bola dari belakang, tetapi di final kita perlu melakukan sesuatu yang lebih, mereka harus melakukan kerana tekanan perlawanan akhir berbeza."

"Pemain juga perlu membina keyakinan antara satu sama lain kerana ia dapat mengurangkan tekanan," katanya.

Skuad TNB pada Khamis mengesahkan tempat ke pentas final selepas membela diri dengan skor 7-4, manakala THT mara ke final selepas menewaskan Matador 1-0.

Sementara itu, Mohd Hafizi menegaskan skuadnya akan memanfaatkan kapakaran penyerang sensasi Faizal Saari yang akan diturunkan sebagai pemain wajib dalam usaha memburu gelaran treble bagi tahun ini pada aksi final.

"Berdasarkan statistik, Faizal berada dalam prestasi terbaik musim ini. Dalam setiap perlawanan dia yang paling banyak menjaringkan gol dan kami mengharapkan sesuatu daripadanya."

"Kami mungkin dapat mengurangkan ancaman, tetapi tetap perlu bersiap sedia. Kemahiran yang dimiliki beliau amat diperlukan untuk perlawanan akhir," katanya.

Sebagai rekod, TNB mengungguli Piala TNB bagi edisi 2022 dan 2024, manakala THT menjurai edisi 2021 dan 2023. - Bernama